

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1999/2000**

**FEBRUARI 2000**

**RPK 323 – Perancangan Dan Pembangunan Pelancongan**

**Masa: 3 jam**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Soalan ini terbahagi kepada **BAHAGIAN A, B dan C**.

**BAHAGIAN A (WAJIB) - (25 MARKAH)**

1. Ekoran pertambahan pelawat, Gua Terang Bulan dan Gunung Senyum yang terdapat di Pahang mengalami perubahan-perubahan iaitu:
  - (a) penduduk mula menjauhkan diri dari pengunjung.
  - (b) kemudahan atau ‘amenity’ seperti sistem lampu dibina, yang mana menjaskan keaslian kawasan tersebut.
  - (c) penduduk mula membina chalet bagi menyambut kedatangan pelancong.
  - (d) kedatangan pelancong telah menaikkan taraf hidup penduduk setempat.
2. Kemuncak kedua pelancongan di Jepun berlaku selepas
  - (a) Ekspo Perdagangan Dunia di Osaka
  - (b) Perang Teluk Meletus
  - (c) Yen meningkat terhadap Dollar Amerika
  - (d) Melancong mula dibenarkan di kalangan rakyat Jepun
3. Berikut bukannya seorang pelancong.
  - (a) Seorang warga Swiss yang terkandas secara tidak sengaja selama sehari setengah di Terminal Satu, Subang.
  - (b) Sseorang rakyat Bangladesh yang menunaikan Haji di Mekah.
  - (c) Seorang warga Jepun yang datang untuk bekerja di Syarikat Hitachi, Penang.
  - (d) Seorang rakyat Malaysia yang mengikuti kursus pendek selama tiga bulan di Yokohama.

4. Faktor-faktor yang **TIDAK** mempengaruhi keputusan orang Jepun untuk melancong adalah,
  - (a) masa lapang semakin banyak dinikmati golongan bekerja
  - (b) harga tiket yang semakin murah
  - (c) pendapatan lebihan semakin bertambah
  - (d) galakan supaya melancong oleh Pihak Kerajaan Jepun
5. TDC ditubuhkan berdasarkan kepada Akta Pertubuhan Pembangunan Pelancongan (Tourist Development Corporation Act) yang dibuat pada
  - (a) 1995
  - (b) 1972
  - (c) 1963
  - (d) 1984
6. Maskot atau lambang pelancongan negara tidak termasuk
  - (a) bangunan Sultan Abdul Samad
  - (b) penyu
  - (c) orang utan
  - (d) bunga raya
7. 'I-Turn' Shinshu adalah satu promosi untuk
  - (a) menggalakkan penduduk Shinshu untuk melibatkan diri dalam pelancongan.
  - (b) menggalakkan pemuda-pemudi kampung untuk melawat dan kembali bekerja di Shinshu.
  - (c) menggalakkan penduduk kota supaya melawat wilayah Shinshu.
  - (d) menggalakkan pemandu-pemandu kereta supaya melakukan U-Turn di wilayah Shinshu.
8. Contoh faedah ekonomi sampingan (kedua) yang terhasil dari pelancongan adalah,
  - (a) hasil jualan kraftangan
  - (b) penarik beca menerima pelawat asing
  - (c) cukai yang dikutip pihak Kerajaan
  - (d) peluang kerja yang bertambah di hotel-hotel

9. Senario pelancongan yang mana satukah di antara berikut yang mencerminkan bagaimana aktiviti masyarakat setempat turut menyumbang kepada meningkatnya tahap *sense of place* sesebuah destinasi ?
- (a) Ibu bapa membawa anak-anak untuk berlatih koir di medan Piazza di Itali.
  - (b) Penduduk di Kamakura(Jepun) menyediakan tempat letak kereta bagi kemudahan pelawat yang semakin bertambah.
  - (c) Penduduk di Tanah Lot, Indonesia mengalau-alukan pembangunan sebuah mega resort di kawasan perkampungan mereka.
  - (d) Di Brugge, Belgium, penduduk hanya dibenarkan membina rumah yang mempunyai fasad-fasad yang sama dengan yang sedia ada.
10. Konsep Pelancongan Mampan **BUKAN** muncul kerana faktor ini.
- (a) Gerakan hijau
  - (b) Munculnya golongan pelancongan kritikal.
  - (c) Tekanan dari pembangunan pelancongan di negara membangun.
  - (d) Kesedaran bahawa pelancongan konvensional banyak membawa kesan negatif.
11. Di dalam usaha untuk mengawal kejatuhan dalam kualiti sekitar dan tarikan-tarikan pelancongan, TDC (sekarang MTPB) telah memperkenalkan langkah-langkah berikut, **KECUALI**,
- (a) menetapkan had penggunaan
  - (b) menghalang kesesakan di sesebuah destinasi
  - (c) menetapkan dasar penyebaran pelancong
  - (d) menyediakan kemudahan pengangkutan dan tempat tinggal
12. ‘Kesan demonstrasi’ berlaku,
- (a) apabila terlalu banyak demonstrasi dilakukan oleh penduduk setempat terhadap pelancong.
  - (b) apabila anak-anak muda mula meniru gelagat pelancong.
  - (c) apabila pihak berkuasa mula bertindak terhadap pelancong yang tidak menghormati budaya setempat.
  - (d) apabila muncul perbezaan sosial yang terlalu ketara antara pelancong dengan penduduk.
13. Pelancongan telah membawa kesan yang negatif kepada cara hidup pasar air di utara Bangkok iaitu,
- (a) mereka mula menjual barang bukan keperluan penduduk setempat
  - (b) mereka menaikkan harga sesuka hati
  - (c) bersikap kurang mesra dengan pelancong
  - (d) menawarkan menu khas untuk pelancong

14. Kajian lampau mendapati penduduk selalunya bersikap negatif apabila,
- (a) pembangunan masih di peringkat awal
  - (b) pembangunan pelancongan dibuat secara kecil-kecilan
  - (c) pembangunan dijalankan berhampiran dengan kediaman mereka
  - (d) pembangunan selari dengan persekitaran tempat tinggal
15. Di peringkat antarabangsa, Malaysia tidak pernah dipromosikan sebagai
- (a) sebuah negara tropika
  - (b) sebuah negara bersih
  - (c) sebuah destinasi pelbagai
  - (d) sebuah negara Islam
16. Di Umbria (Itali), kebosanan penduduk terhadap kehadiran pelancongan digambarkan dengan,
- (a) apabila pelancong diminta supaya jangan memasuki kawasan kediaman mereka
  - (b) apabila mereka memaparkan papantanda bantahan terhadap gejala sosial yang berleluasa di kawasan ibadat mereka
  - (c) apabila mereka mengarahkan pelancong supaya keluar dari kota mereka
  - (d) apabila hari menjelang senja pelancong tidak dibenarkan membawa pulang apa-apa yang mereka temui
17. Berikut adalah elemen-elemen penting suatu produk pelancongan, **KECUALI**,
- (a) servis
  - (b) kebebasan memilih
  - (c) penglibatan
  - (d) input asas
18. Kenyataan berikut adalah kurang tepat mengenai pelancong Jepun.
- (a) Mereka digelar ‘yellow cab’ di New York
  - (b) Mereka sering digambarkan membawa kamera dan banyak mengambil gambar
  - (c) Mereka gemar tawar menawar
  - (d) Mereka kebanyakannya boleh digolongkan sebagai ‘mass travelers’
19. Imej (pelancongan) Malaysia di Jepun terus kabur kerana perkara-perkara berikut, **KECUALI**,
- (a) imej Malaysia yang lebih kurang sama dengan negara-negara ASEAN
  - (b) promosi imej yang menggunakan maskot yang kurang menonjol
  - (c) aktiviti promosi yang dijalankan oleh pihak swasta di Jepun
  - (d) negeri-negeri di Malaysia turut berlumba-lumba untuk menjalankan promosi masing-masing

...5/-

20. Berikut bukannya fungsi ASEANTTA.
- (a) Meningkatkan bilangan pelancong ke negara ASEAN
  - (b) Membantu pembangunan sektor pelancongan
  - (c) Menggalakkan industri sokongan
  - (d) Meningkatkan infrastruktur pelancongan di negara-negara anggota
21. Pelancongan bukan sebuah industri kerana sebab-sebab berikut, **KECUALI**,
- (a) pembangunan pelancongan mempunyai skop yang luas
  - (b) produk pelancongan tidak mudah diubah-alih
  - (c) pasaran memainkan pengaruh penting
  - (d) pelbagai lapisan pembuat keputusan diperlukan
22. Yang mana satukah Proses Perancangan Pelancongan yang betul?
- (a) rancangan-konsep-objektif-kajian-sisntesi
  - (b) kajian-objektif-sintesis-konsep-rancangan
  - (c) sintesis-kajian-konsep-objektif-rancangan
  - (d) objektif-kajian-sintesis-konsep-rancangan
23. Salah satu dari ciri-ciri berikut **BUKAN**nya ciri pelancongan kampung
- (a) Alam semulajadi
  - (b) Tidak dipengaruhi oleh musim
  - (c) Pekerja tinggal berhampiran
  - (d) Hubungan tetamu personal
24. Penyertaan penduduk tidak dipraktikkan dengan jaya **BUKAN** kerana
- (a) sukar mendapat perwakilan
  - (b) memakan masa
  - (c) boleh menimbul masalah
  - (d) tidak penting
25. 'Yen-Daka' bermaksud:
- (a) Fenomena penggunaan yen
  - (b) Urusniaga berdasarkan nilai yen
  - (c) Peningkatan nilai yen
  - (d) Kejatuhan nilai yen

**BAHAGIAN B** (Jawab LIMA soalan sahaja. Sila jawab secara ringkas)

1. Berikan **tiga** langkah penting yang dijalankan oleh pihak pentadbiran taman negara di Australia untuk membantu menjaga ataupun memelihara taman negara tersebut?  
( 7 MARKAH )
  
2. Apa yang dimaksudkan sebagai ‘kolonisma baru’ apabila kita memperkatakan tentang kesan pelancongan?  
( 7 MARKAH )
  
3. Apakah perbezaan di antara imej ‘induced’ dengan imej ‘organic’? Yang mana satukah di antara mereka yang lebih mempengaruhi pelancong?  
( 7 MARKAH )
  
4. Terangkan bagaimana karektor pelancong yang tiba boleh menjadi satu faktor di dalam menentukan jatuh-bangun sesebuah destinasi.  
( 7 MARKAH )
  
5. Membakar hutan adalah satu aktiviti utama penduduk-penduduk asli Australia. Berikan tiga kepentingan aktiviti membakar hutan tersebut kepada kehidupan mereka.  
( 7 MARKAH )
  
6. Terangkan secara ringkas, bagaimana agama mampu dijadikan sebagai produk pelancongan?  
( 7 MARKAH )

**BAHAGIAN C (WAJIB)**

7. Langkawi terus berkembang pesat sebagai salah sebuah destinasi terulung di Malaysia. Bincangkan peringkat-peringkat utama pertumbuhan pelancongan yang dilalui oleh Pulau itu SERTA sambutan penduduk terhadap perkembangan tersebut.  
( 20 MARKAH )
  
8. Adakah ‘ecotourism’ (eko-pelancongan) semestinya dikategorikan sebagai sejenis pelancongan mampan?  
( 20 MARKAH )

ooooOoooo